

BIL.	HURAIAN KERJA	JUMLAH (RM)
A	<p>KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM Menyediakan perkara-perkara berikut:-</p> <p>A Kerja-kerja awalan seperti penyediaan pengangkutan oleh pihak kontraktor bagi menghantar ke tapak serta mengeluarkan dari tapak peralatan/mesin/ jentera/ loji/lori, buruh, penyediaan laluan keluar/masuk sementara dengan meratakan tanah, membersihkan/membaiki semula kawasan yang terjejas oleh kerja selepas kerja-kerja binaan siap bagi 2 lokasi projek serta lain-lain kerja berkaitan. (sila rujuk lampiran di dalam <i>Preambles</i>)</p> <p>Perlindungan Takaful / Perlindungan Insurans</p> <p>B Polisi takaful / Insurans Tanggungan Awam (iaitu takaful/insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta)</p> <p>C Polisi takaful / Insurans Kerja</p> <p>D Nombor-nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)</p> <p>**Kontraktor adalah digalakkan untuk mengambil pelan perlindungan takaful berbanding pelan perlindungan insurans.</p> <p>Papantanda Projek</p> <p>E Kerja-kerja bekal dan pasang satu (1) papantanda projek serta dua (2) unit banner mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dengan tertera nama projek, nama pegawai penguasa, alamat dan logo. Hendaklah dipasang sebelum projek berjalan hingga siap projek termasuk membuka dan membawa keluar dari tapak.</p> <p>Peralatan Keselamatan</p> <p>F Penyediaan semua kemudahan / kelengkapan yang bersesuaian untuk pihaknya bagi mengendalikan urusan di tapak sepanjang tempoh kontrak.</p> <p>Penyediaan Jadual Perancangan Kerja (Work Programme)</p> <p>G Menyediakan dan mengemukakan Jadual Perancangan Kerja (<i>Work Programme</i>) sebelum kerja di tapak bagi memantau dan mengenalpasti status kemajuan kerja di tapak dari masa ke semasa.</p> <p>Laluan Masuk Sementara</p> <p>H Menyediakan laluan keluar masuk ke tapak bina dengan meratakan tanah, membersihkan / membaiki semula kawasan yang terjejas termasuk menanam semula rumput, membaiki lain-lain kemudahan yang terjejas termasuk bahu jalan dan pejalan kaki sediada selepas kerja-kerja binaan siap bagi 2 lokasi projek serta lain-lain kerja berkaitan</p> <p>Pita Keselamatan</p> <p>J Membekal dan memasang <i>red and white hazard tape</i> sebanyak tiga (3) lapisan di keliling gelanggang bagi tujuan keselamatan termasuk tiang daripada kayu untuk mengikat pita keselamatan tersebut sepanjang tempoh kerja.</p> <p>Laporan Bergambar</p> <p>K Menyediakan laporan bergambar sebelum, sedang dan selepas kerja dijalankan di tapak. Penyediaan tuntutan bayaran lengkap dengan gambar sebelum, semasa dan selepas siap kerja dan dijilidkan, diserah semasa membuat tuntutan pembayaran lengkap dengan inbois, borang taking off, pelan lokasi kerja, gambar kerja berserta tarikh dan dijilid kemas.</p>	
JUMLAH DI BAWA KE BORANG RINGKASAN SEBUT HARGA (RM) :		